



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 1 petang, 2 Jun 2026

Untuk Terbitan Media
2 Jun 2026

SIARAN MEDIA

TRAGEDI SIMPANG RENGAM: DUA MANGSA KEMALANGAN PENERIMA PERTAMA FAEDAH SKIM LINDUNG 24 JAM

KUALA LUMPUR – Dua pemandu kenderaan yang mengalami kecederaan dalam tragedi kemalangan ngeri di Simpang Renggam, Johor menjadi individu pertama di negara ini menerima manfaat di bawah Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) atau 'LINDUNG 24 Jam' sejak ia dikuatkuasakan pada 1 Jun 2026.

Husnizam Hisamudin, 43, dan Muhammad Amirul Hazim Misnon, 22, yang cedera dalam kemalangan maut tersebut disahkan merupakan pencarum aktif bawah Akta 4, sekali gus melayakkan mereka menerima bayaran cuti sakit dan faedah kecacatan kekal di bawah Skim LINDUNG 24 Jam daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menerusi satu kenyataan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, maklumat awal perubatan menunjukkan Husnizam telah cedera di bahu dan tangan, sementara Muhammad Amirul cedera di bahagian mulut. Ini sekali gus melayakkan mereka menerima rawatan implan, peralatan pemulihan dan rehabilitasi tanpa had mengikut keperluan.

“Ramai yang memahami bahawa PERKESO memberi perlindungan apabila kemalangan berlaku di tempat kerja atau semasa menjalankan tugas. Namun melalui LINDUNG 24 Jam, perlindungan sosial kini diperluaskan kepada kemalangan yang berlaku di luar skop pekerjaan termasuk pada hari cuti.

“Tragedi ini membuktikan bahawa musibah boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa mengira waktu dan lokasi. Justeru, LINDUNG 24 Jam memastikan pencarum dan keluarga mereka terus mendapat perlindungan sewajarnya ketika berdepan kesukaran,” kata Dr. Mohammed Azman.

Dalam perkembangan berkaitan, waris kepada tiga mangsa kemalangan yang meninggal dunia juga layak menerima faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (LINDUNG Pekerja).

Sebaik kes ini berlaku, Skwad PERKESO Prihatin telah digerakkan serta merta untuk menyemak maklumat semua mangsa dan membuat lawatan bagi menyalurkan bantuan LINDUNG 24 JAM dengan kadar segera. Meskipun kes tersebut berlaku di luar waktu kerja namun waris mangsa masih dilindungi di PERKESO berdasarkan kelayakan masing-masing.

Dalam pada itu, Dr. Mohammed Azman turut berkata, melalui pelaksanaan skim terbaharu PERKESO yang bermula secara rasmi pada 1 Jun 2026, status perlindungan pencarum kini diperluaskan tanpa mengira waktu dan lokasi kejadian menerusi konsep 'LINDUNG 24 Jam'.

Jelasnya, langkah proaktif ini memastikan mana-mana Orang Berinsurans (OB) yang ditimpa musibah di luar waktu tugas hakiki mereka tetap mendapat pembelaan sewajarnya, sekali gus menutup kelompangan yang wujud sebelum ini.

"PERKESO merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga mangsa dan berharap bantuan yang disalurkan dapat meringankan beban mereka dalam menghadapi dugaan berat kehilangan insan tersayang.

"Ini membuktikan setiap caruman yang dibuat oleh pencarum PERKESO tidak pernah sia-sia, ia akan digunakan untuk membantu mereka yang lain ketika ditimpa musibah. Inilah objektif utama mengapa PERKESO memperkenalkan inisiatif LINDUNG 24 Jam berkuatkuasa pada 1 Jun 2026. Kita mahu menyediakan benteng keselamatan sosial yang mampan dan utuh apabila musibah melanda tanpa diduga, seperti kes menyayat hati ini," katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

2 Jun 2026